

KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN UNTUK
MENGEBURI INDUSTRI PERBANKAN

SURAYA AKMAR BINTI MOKHTARUDDIN

HG
1615.7
.R3
.S97
2001
ra

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

7023

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00119481 4

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES

JUDUL: KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENCEBURI
INDUSTRI PERBANKAN.

SESI PENGAJIAN: SEMESTER 1 SESI 2001/2002

Saya SURAYA AKMAR BINTI MOKHTARUDDIN (MT001206)

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Kajian Kes ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Kajian kes ini adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian kes ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. *Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

Suraya

(TANDATANGAN PENULIS)



Tuan Haji Ali Bin Suradin

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
372, Jalan Kolam
Kampung Manjoi
30020 Ipoh, Perak.

Tuan Haji Ali Bin Suradin
Nama Penyelia


Tarikh: 14 September 2001

Tarikh: 14 September 2001

CATATAN: * Jika kajian kes ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh kajian kes ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya mengakui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : TUAN HAJI ALI BIN SURADIN
Tarikh : 14 September 2001

**KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENCEBURI
INDUSTRI PERBANKAN**

SURAYA AKMAR BINTI MOKHTARUDDIN


**Kajian Kes Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER 2001

PENAKUAN

“Saya akui kajian kes yang bertajuk ‘**Kemahiran Yang Diperlukan Untuk Menceburi Industri Perbankan**’ adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : SURAYA AKMAR BINTI MOKHTARUDDIN

Tarikh : 14 September 2001

Istimewa Buat Keluarga Tersayang;

*Terima Kasih Di Atas Segala
Kasih Sayang, Pengorbanan, Kesabaran, Sokongan Serta Dorongan
Yang Tak Mungkin Ada Penghujungnya....*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Segala Puji bagi Allah yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah S.A.W. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia Kajian Kes, Tuan Haji Ali bin Suradin di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada Puan Yusmarwati binti Yusof yang telah memberikan saranan, cadangan dan nasihat ke arah mendapatkan hasil kajian yang lebih baik.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Cik Hilyah binti Jailani dan Encik Norhisham bin Mahayudin yang telah memberikan bantuan dan kerjasama bagi menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Rakaman terima kasih juga ditujukan kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan galakan, sokongan, bantuan dan dorongan dalam menempuh segala cabaran.

Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diberkati Allah S.W.T. dan diberi ganjaran serta kebaikan. Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti kemahiran yang diperlukan oleh Graduan Institusi Pegajian Tinggi (IPT) untuk menceburi Industri Perbankan. Borang soal selidik diedarkan untuk mendapatkan maklumat dan seterusnya dianalisis untuk menghasilkan taburan kekerapan, peratusan dan purata. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Industri Perbankan memerlukan graduan yang mempunyai kemahiran komunikasi, pemikiran kritikal, kepimpinan, pembangunan diri dan kemahiran komputer. Kesimpulannya, pencapaian akademik yang cemerlang bukan merupakan aspek utama yang dinilai oleh majikan di dalam pemilihan pekerja. Aspek kemahiran yang dimiliki oleh graduan juga merupakan salah satu aspek penting. Oleh itu setiap graduan perlu mempersiapkan diri dari semua segi termasuklah fizikal, mental, emosi dan sebagainya.

ABSTRACT

This survey was conducted to identify skills needed for Higher Education Institution graduates to involve in Banking Industry. Questionnaires have been distributed to get information and the obtainable informations have been analyzed to get the frequent distributions, percentages and averages. The findings showed that majority of the respondents have positive point of view about the skills needed by Higher Education Institution graduates. Overall, respondents agreed that graduates who are interested in this industry should have an excellent communications skill, critical thinking, leadership, personal development and computer skills. Beside that, graduates should prepare themselves and improve their skills to be successful graduates.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	JUDUL KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi

**BAHAGIAN SATU
Pengenalan**

BAB 1	Pengenalan	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latarbelakang Masalah	3

1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Soalan Kajian	5
1.4	Tujuan Penyelidikan	6
1.5	Kerangka Teori	7
	1.5.1 Penerangan Kerangka Teori	8
	1.5.1.1 Input	8
	1.5.1.2 Proses	8
	1.5.1.3 Output	8
1.6	Kepentingan Kajian	9
	1.6.1 Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	9
	1.6.2 Graduan	9
	1.6.3 Majikan	9
	1.6.4 Pembangunan Negara Malaysia	10
1.7	Skop Kajian	10
1.8	Definisi Istilah	11
	1.8.1 Majikan	11
	1.8.2 Pekerja	11
	1.8.3 Kemahiran Komunikasi	12
	1.8.4 Pemikiran Kritikal	12
	1.8.5 Kepimpinan	13
	1.8.6 Pembangunan Diri	13
	1.8.7 Industri Perbankan	13

BAHAGIAN DUA SOROTAN PENULISAN

BAB 11 SOROTAN PENULISAN

2.0	Pengenalan	14
2.1	Kemahiran yang diperlukan di dalam Dunia Pekerjaan Masa Kini	14
2.2	Kemahiran Komunikasi	16
2.3	Kemahiran Pemikiran Kritikal	18
2.4	Kemahiran Kepimpinan	19
2.5	Kemahiran Pembangunan Diri (<i>Personal Development</i>)	21
2.6	Kemahiran Komputer	23

BAHAGIAN TIGA METODOLOGI

BAB 111 METODOLOGI

3.0	Pendahuluan	27
3.1	Rekabentuk Kajian	27
3.2	Sumber Data	28
3.3	Instrumen Kajian	30
3.4	Kaedah Analisis Data	34
3.5	Kajian Rintis	36
3.6	Batasan Kajian	38
3.7	Andaian	38

BAHAGIAN EMPAT ANALISIS DATA

BAB IV ANALISIS DATA

4.0	Pendahuluan	39
4.1	Analisis Bahagian A	40
4.1.1	Soalan 1 : Jantina	40
4.1.2	Soalan 2 : Umur	41
4.1.3	Soalan 3 : Bangsa	41
4.1.4	Soalan 4 : Jawatan sekarang	42
4.1.5	Soalan 5 : Tempoh berkhidmat dalam Organisasi sekarang	43
4.2	Analisis Bahagian B	44
4.2.1	Soalan kajian 1 : Adakah kemahiran komunikasi diperlukan untuk menceburi Industri Perbankan	44
4.2.2	Soalan kajian 2 : Adakah kemahiran pemikiran kritikal diperlukan untuk menceburi Industri Perbankan	46
4.2.3	Soalan kajian 3 : Adakah kemahiran kepimpinan diperlukan untuk menceburi Industri Perbankan	48
4.2.4	Soalan kajian 4 : Adakah kemahiran pembangunan diri diperlukan untuk menceburi Industri Perbankan	50
4.2.5	Soalan kajian 5 : Adakah kemahiran komputer diperlukan untuk menceburi Industri Perbankan	52

4.2.6	Soalan kajian 6 : Apakah keutamaan kemahiran yang diperlukan oleh Graduan IPT untuk menceburi Industri Perbankan	53
-------	--	----

BAHAGIAN LIMA
PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB V **PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0	Pendahuluan	56
5.1	Perbincangan	56
5.1.1	Keperluan Kemahiran Komunikasi Untuk Menceburi Industri Perbankan	57
5.1.2	Keperluan Kemahiran Kepimpinan Untuk Menceburi Industri Perbankan	58
5.1.3	Keperluan Kemahiran Pemikiran Kritis Untuk Menceburi Industri Perbankan	59
5.1.4	Keperluan Kemahiran Pembangunan Diri Untuk Menceburi Industri Perbankan	61
5.1.5	Keperluan Kemahiran Komputer Untuk Menceburi Industri Perbankan	62
5.2	Kesimpulan	63
5.3	Cadangan	65
5.3.1	Cadangan Terhadap Dapatan Kajian	65
5.3.2	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	66

**BAHAGIAN ENAM
RUJUKAN**

RUJUKAN	67
----------------	-----------

**BAHAGIAN TUJUH
LAMPIRAN**

LAMPIRAN A	72
LAMPIRAN B	73

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Item soalan kajian	32
4.1	Kekerapan dan Peratusan Jantina Responden	40
4.2	Kekerapan dan Peratusan Umur Responden	41
4.3	Kekerapan dan Peratusan Mengikut Bangsa	41
4.4	Kekerapan dan Peratusan Jawatan Responden	42
4.5	Kekerapan dan Peratusan Tempoh Berkhidmat	43
4.6	Keperluan Kemahiran Komunikasi Untuk Menceburi Industri Perbankan	44
4.7	Keperluan Kemahiran Pemikiran Kritikal Untuk Menceburi Industri Perbankan	46
4.8	Keperluan Kemahiran Kepimpinan Untuk Menceburi Industri Perbankan	48
4.9	Keperluan Kemahiran Pembangunan Diri Untuk Menceburi Industri Perbankan	50
4.10	Keperluan Kemahiran Komputer Untuk Menceburi Industri Perbankan	52
4.11	Keutamaan Keperluan Kemahiran Untuk Menceburi Industri Perbankan	54

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Rajah Kerangka Teori	7
2.1	Ciri-ciri individu yang menyeluruh	22
3.1	Carta organisasi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Malayan Banking Berhad.	29

SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH

BAH	-	Bahagian
BHD	-	Berhad
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
M	-	Malaysia
%	-	Peratus
=	-	Ialah

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Kebenaran	72
B	Borang Soal Selidik	73

PENGENALAN

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kegawatan ekonomi yang berlaku dan akan berlangsung untuk satu tempoh masa yang tidak dapat dipastikan akan memberi kesan serius menyebabkan meningkatnya pengangguran di kalangan golongan siswazah di negara ini. Menurut Abdul Rahman Abdul Rashid (2000), kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara akan menyebabkan sektor pekerjaan dalam pelbagai bidang terpaksa dikecilkan sama ada di sektor awam mahupun di sektor swasta.

Menurutnya lagi, kesan daripada kegawatan ekonomi ini menyebabkan kerajaan mengambil langkah untuk memperkukuhkan sistem perbankan di Malaysia melalui penggabungan bank-bank di Malaysia. Hasrat kerajaan untuk melihat bank-bank di Malaysia bergabung bukanlah satu idea yang datang dengan tiba-tiba. Penggabungan bank telah diperkatakan sejak beberapa tahun yang lalu dan

kini, kerajaan telah mengambil langkah konkrit ke hadapan di dalam penggabungan bank-bank di Malaysia.

Menurut Mowardi Mahmud (1999), salah satu faktor penggabungan bank-bank di Malaysia ini adalah kerana fenomena penggabungan tiga bank Jepun iaitu Dai-Ichi Kangyo Bank, Fuji Bank dan Industrial Bank of Japan yang kini di dalam proses, akan melahirkan sebuah bank terbesar di dunia dengan aset sebanyak AS\$1.3 trilion atau RM4.94 trilion. Malaysia juga turut tidak mahu ketinggalan di dalam perkembangan dunia perbankan.

Menurutnya lagi, dengan terbukanya pasaran yang luas iaitu Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang akan berkuat kuasa pada tahun 2003, Malaysia perlu bersaing dengan bank-bank antarabangsa yang lain yang mempunyai saiz dan kekuatan yang jauh berbeza daripada bank-bank di Malaysia sendiri. Bank-bank antarabangsa ini akan memasuki pasaran Malaysia dan akan dengan senangnya memperkenalkan produk-produk baru yang menarik berbekalkan pengalaman yang mereka ada terutamanya dengan kedudukan kewangan mereka yang jauh lebih kukuh jika dibandingkan dengan bank-bank tempatan.

Beliau menjelaskan bahawa, pada pertengahan tahun 2000, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan senarai nama 10 bank yang terpilih sebagai bank utama "anchor" iaitu Malayan Banking (Maybank), Bumiputra-Commerce Bank, RHB Bank, Public Bank, Arab Malaysian Bank, Hong Leong Bank, Perwira Affin Bank, Multi-Purpose Bank, Southern Bank dan EON Bank.

Dengan kewujudan bank-bank utama ini, isu pemberhentian kerja dan pengangguran mula disebar dan sebilangan besar pekerja yang kurang penting di dalam sektor perbankan ini telah diberhentikan kerja untuk mengurangkan kos operasi dan sekaligus untuk meningkatkan produktiviti dan efisien di sektor perbankan ini.

1.1 Latar Belakang Masalah

Menurut Abdul Rahman Abdul Rashid (2000), Pengangguran di kalangan graduan adalah satu masalah kepada negara. Pengangguran berlaku apabila tenaga yang berpotensi ini tidak dapat disalurkan dan digunakan dengan berkesan dan produktif dalam sesuatu bidang pekerjaan.

Peluang pekerjaan baru yang boleh diwujudkan begitu terbatas. Ini akan menyebabkan berlakunya lambakan tenaga buruh yang lebih kritikal dalam pasaran buruh di kalangan graduan yang menganggur. Pendidikan yang menjadi modal utama mahasiswa tidak akan dapat memberi apa-apa faedah dan pulangan jika sekiranya para graduan terus menganggur dan tidak dapat menjana pendapatan dan lain-lain faedah yang sepatutnya diperoleh.

Salah satu masalah penting menyebabkan berlakunya pengangguran di kalangan mahasiswa ialah ekonomi negara yang kurang stabil termasuklah kesan daripada penggabungan bank-bank di Malaysia yang mengakibatkan ramai pekerja-pekerja separa profesional dan profesional diberhentikan kerja.

Perlumbaan untuk mendapatkan pekerjaan di kalangan Graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dijangka akan lebih bersifat kompetitif dan ini akan memberi faedah yang besar kepada majikan untuk memilih kualiti tenaga yang terbaik bagi menguntungkan firma-firma perniagaan mereka.

Menurut Menteri Sumber Manusia Y. B. Datuk Dr. Fong Chan Onn (2000), di dalam ucapan beliau di Majlis Konvokesyen Institut Latihan Jabatan Tenaga Rakyat, berharap agar graduan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang berguna, sebagai persediaan untuk menghadapi keperluan dan cabaran kerjaya mereka pada masa hadapan. Menurut beliau lagi, para graduan juga perlu bersedia meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan juga kelayakan untuk bersaing dan menghadapi cabaran-cabaran di dalam alam pekerjaan.